

SEKITAR



EDISI 20 : 16 - 30 NOVEMBER 2016

PEMIMPIN *MILLENIAL* MASA DEPAN



NBOS JPA Outreach Programme @ INTAN Sabah

ms3



Syarahana Perdana Transformasi Perkhidmatan Awam

ms3



Persidangan Tahunan Puspanita Keempat 2016

ms2



Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2

ms2

PERSIDANGAN TAHUNAN PUSPANITA KEEMPAT 2016



PUTRAJAYA, 17 NOVEMBER 2016 - Persidangan Tahunan PUSPANITA Keempat 2016 dengan tema 'Peranan PUSPANITA Dalam Memperkasa Kepimpinan Dan Mendepani Cabaran Global' telah diadakan pada 17 hingga 18 November 2016 di Dewan De' Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya.

Persidangan yang telah dihadiri oleh semua ahli PUSPANITA di seluruh Negara telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara merangkap Penasihat PUSPANITA. Persidangan selama dua hari tersebut melibatkan pembentangan kertas kerja dari pelbagai pihak termasuk SPRM, MAMPU, UKAS dan pihak swasta.



SEKITAR LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015 SIRI 2 - 23 NOVEMBER 2016



NBOS JPA OUTREACH PROGRAMME @ INTAN SABAH



SABAH, 21 NOVEMBER 2016 - Penganjuran NBOS JPA Outreach Programme @ INTAN Sabah merupakan jalinan kerjasama oleh JPA dan INTAN Kampus Sabah serta Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) yang melibatkan kumpulan sasaran 1Serve iaitu Petugas Baris Hadapan, Pegawai Pengurusan Aduan dan Kaunter serta penjawat awam agensi di Negeri Sabah dan kumpulan sasaran 1Pesara yang merangkumi golongan Pesara dan Bakal Pesara Sektor Awam peringkat Persekutuan dan Negeri. Selain itu, program ini juga melibatkan peserta-peserta daripada Pengurus dan Pegawai di Bahagian/Unit Sumber Manusia yang bertanggungjawab bagi pengoperasian urusan persaraan di agensi negeri dibawah program 1Pesara Care. Penganjuran NBOS JPA Outreach Programme juga terbuka kepada agensi rakan strategik dari pihak industri, swasta dan orang ramai.

Selain daripada inisiatif NBOS 1Serve dan 1Pesara, program *Data Science Interest Group* (DSIG) juga turut diadakan di samping pelbagai program sampingan yang melibatkan penyertaan dari pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta. Antara program sampingan yang disediakan sepanjang program berlangsung adalah penyertaan *booth* pameran pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta, saringan dan pemeriksaan kesihatan, perkhidmatan *Mobile CTC* dan jualan produk-produk tempatan. Majlis amanat dan penutup program telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia

SEKITAR SYARAHAN PERDANA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM OLEH YBHG. TAN SRI KPPA—22 NOVEMBER 2016



“Pleasure in the job puts perfection in the work” - Aristotle



IKUTI KAMI   www.jpa.gov.my  [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)  [@jpa2day](#)  [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)  [@jpa2day](#)

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM